

# MENINGGIKAN PROFESIONALISME PENDIDIK MENERUSI PENINGKATAN KEMPETENSI PENGAJARAN<sup>1</sup>

**Mohamad Sahari Nordin**  
**Institute of Education**  
**International Islamic University Malaysia**  
(msahari@iiu.edu.my)

## Pengenalan

Profesion perguruan sentiasa dikaitkan dengan peranan-peranan yang mulia. Guru, atau pendidik dianggap sebagai agen yang mencelikkan minda masyarakat. Guru dikatakan berfungsi membentuk dan menyuburkan pegangan nilai manusia; gurulah yang mengenalkan dan membedakan yang betul daripada yang salah, yang benar daripada yang palsu, yang baik daripada yang buruk, dan yang hak daripada yang bathil. Semua peranan ini menyumbang kepada berkembangnya peradaban dan tamadun manusia. Guru diibaratkan sebagai kasturi yang sentiasa semerbak mewangi, sentiasa mengharumkan persekitarannya. Guru jugalah yang berpotensi luas untuk memimpin anak didiknya, dan dirinya sendiri, melangkah ke pintu syurga.

Susulan daripada tanggapan sedemikian, masyarakat maletakkan harapan yang tinggi—ada ketikanya terlalu tinggi—terhadap guru. Sedikit waktu dahulu, guru merupakan sumber dan penyebar ilmu. Dewasa ini, guru dibebankan pula dengan tugas sebagai fasilitator dalam proses membina ilmu dan inovasi di kalangan anak didik. Pada masa yang sama guru mendakwa bahawa selain mengajar, mereka menjalankan tugas-tugas ketua hakim, polis nakortik, polis trafik, imam solat, jururawat, kerani, tukang masak, dan pembersih sampah. Adakah saudara turut terbabit dalam tugas-tugas sedemikian? Adakah saudara sedia dilengkapi dan terlatih dengan "kompetensi" untuk menyempurnakan tugas-tugas tersebut? Adakah semua itu menyumbang kepada pementakan "profesionalisme pendidik"?

Kertas ini secara ringkasnya bertujuan untuk (1) memerihalkan makna profesionalisme pendidik, (2) mengkonsepsikan kerangka kompetensi yang diperlukan oleh pendidik profesional masa kini, dengan memberi penekanan kepada kompetensi pengujian dan penaksiran, dan (3) meggariskan rencana strategik untuk meningkatkan kompetensi pengajaran (dan pembelajaran) yang menjurus kepada peningkatan profesionalisme pendidik.

---

<sup>1</sup> Kertas Undangan yang dibentang dalam International Seminar on Education, Dinas Pendidikan Jember, Indonesia (28 July 2009)

## Profesionalisme Pendidik?

Frasa kata "profesionalisme pendidik" pastinya menerbitkan berbagai-bagai makna dan implikasi. Malahan, setiap warga pendidik mungkin memiliki tanggapan yang terfokus dan tersendiri tentang konstruk yang begitu abstrak dan multi-dimensional. Berikut dipaparkan takrifan umum serta sedikit huraian tentang beberapa dimensi yang terdapat pada konstruk tersebut, yang dipetik daripada tinjauan literatur, supaya maknanya mampu dikupas, dinilai, dan diperkayakan oleh pembaca.

Pada umumnya, profesionalisme pendidik mencerminkan *satu proses di mana pendidik menerima tanggungjawab untuk meningkatkan dan membangunkan keupayaan profesional diri masing-masing*. Ia adalah amalan terbaik yang berperanan menggerakkan pendidik untuk memahami dan mencuba perkara-perkara yang secara langsungnya akan meningkatkan kualiti (pembelajaran) anak didik masing-masing. Tingkat penerimaan seseorang pendidik terhadap kewajipan meningkatkan keupayaan diri, atau lebih spesifik lagi—memperkukuhkan kompetensi pengajaran—boleh dijadikan ukuran tahap profesionalisme guru atau dosen berkenaan. Sekiranya semua warga pendidik dalam sesuatu masyarakat tertentu begitu prihatin dan giat berusaha meningkatkan kompetensi masing-masing, maka tahap profesionalisme pendidik dalam masyarakat tersebut berada pada aras yang tinggi. Ini wajar dibanggakan dan dicontohi!

Dimensi terpenting dalam profesionalisme pendidik adalah tujuannya, yakni objektif proses tersebut. Semestinya seluruh proses profesionalisme pendidik bertumpu dan menuju ke arah peningkatan kualiti pembelajaran. Pendek kata, tunjang profesionalisme pendidik adalah bagi memenuhi keperluan anak-anak yang dididik. Persoalannya: Apakah yang diperlukan oleh anak didik kita? Dalam perkampungan global yang diwarnai oleh k-ekonomi, sesuatu negara dan rakyatnya hanya berpeluang dimartabatkan sebagai negara maju jika sistem pendidikannya berjaya menghasilkan anak didik yang bersifat sebagai "global player" yang merupakan warga negara berpengetahuan, berpengalaman, berketerampilan, berfikiran kritis dan kreatif, dan berkeupayaan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan-keputusan penting. Mereka ini berkelayakan dan berkebolehan meneroka, mencipta, mengurus, dan memimpin berbagai-bagai aktiviti sosial, ekonomi dan teknologi tanpa dibatasi oleh sempadan politik, bahasa dan budaya. Bagi mengekalkan kewibawaan, anak didik kita seharusnya sentiasa mempamerkan jati diri yang berakar umbikan nilai-nilai kemanusiaan; insan yang baik.


Apabila matlamat ini diterima oleh warga pendidik, terdapat sekurang-kurangnya tiga perkara yang perlu dipikul oleh mereka. Pertama, kesediaan ini menyebabkan pendidik perlu melihat isu, batasan dan kekangan yang wujud sebagai cabaran-cabaran yang harus ditangani, dan bukannya sebagai masalah atau halangan kemajuan. Dengan menjadikan pembelajaran sebagai hala tuju kerjayanya, pendidik berkenaan akan melihat secara positif dan menggunakan peluang yang ada untuk mengatasi masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, dan bukan lagi sekadar menyuarakan rungutan atau kesedihan. Kedua, pendidik yang menerima matlamat profesionalisme pendidik mempamerkan kesungguhan terhadap kualiti kerja. Oleh itu, profesionalisme pendidik membantu mengukuhkan integriti dan tingkah laku beretika di kalangan pendidik.

Ketiga, penerimaan ini juga menjadikan pendidik cenderung untuk terus maju menguasai ilmu, kemahiran dan keterampilan yang diperlukan untuk membantu anak didiknya. Lantas, pembangunan dan penambahbaikan secara berterusan adalah cabaran baru, atau lebih sesuai lagi "peluang baru" untuk memartabatkan profesion pendidikan. Untuk menaikkan taraf profesionalisme pendidik, peluang pendidik untuk meningkatkan *kompetensi*, iaitu keupayaan melaksanakan setiap tugas yang mencabar dengan berpandukan pengetahuan, kemahiran dan sikap, perlu dibuka luas, sistematik dan berterusan.

### **Kerangka Kompetensi yang Diperlukan Pendidik**

Dalam dekad terkini, sistem pendidikan di seluruh dunia mengalami aliran peningkatan kesedaran untuk melaksanakan program yang memiliki jaminan kualiti (quality-assured programs). Ratusan ribu sekolah, kolej, dan universiti telah berusaha dan memperolehi pengesahan, pengitirafan, dan akreditasi (misalnya, oleh ISO dan GMP) yang memperakukan kualiti program-program pendidikan yang ditawarkan. Juga, sejak 10 tahun yang lalu, negara-negara yang menandatangani Deklarasi Bologna bersetuju mengensetarakkan rujukan dan kriteria kualiti pendidikan mereka. Terdahulu, Australia, New Zealand, UK, Ireland, dan US menandatangani "Washington Accord" (1989), di mana setiap negara bersetuju menerima kelayakan ijazah engineering daripada negara lima tersebut untuk bekerja di negaranya.

Semua perkembangan itu mempunyai kaitan dengan, dan memberi kesan kepada profesionalisme pendidik. Semua usaha tersebut berkongsi satu tema—merubah sistem pendidikan ke arah "Outcome-Based Education" (OBE). Rajah 1 merumuskan inipati pendekatan OBE, yang jelas menuntut pendidik mengamalkan berbagai-bagai kompetensi pengajaran dan penaksiran.




Tinjauan literatur menemukan pelbagai usul berkaitan dengan kompetensi yang diperlukan oleh pendidik profesional dalam sistem OBE. Sebagai ringkasannya, setiap pendidik harus mempunyai kompetensi-kompetensi seperti yang berikut:

1. mendemonstrasikan kewibawaa sebagai sumber, pengulas dan penyebar ilmu budaya, dan nilai,
2. berkomunikasi dengan menggunakan bahasa sesuai, jelas dan tepat, sama ada secara lisan mahu pun penulisan,
3. menggubal dan menilai hasil pembelajaran (student learning ourcomes) untuk kursus/subjek dan program pendidikan untuk dijadikan sasaran pengajaran,
4. merangka dan menyediakan situasi, peralatan dan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kandungan, latar belakang dan keperluan pelajar supaya mereka berjaya menguasai hasil pembelajaran yang disasarkan,
5. melaksanakan proses dan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang secocok dengan kandungan, latar belakang dan keperluan pelajar supaya pelajar dapat menguasai hasil pembelajaran yang disasarkan,
6. menaksir, menguji dan menilai prestasi dan pencapaian pelajar dengan tujuan untuk membina pembelajaran secara progresif dan berterusan,
7. merencana, mengorganisasi dan memantau dan mengerakkan pembelajaran dan perkembangan sosial di kalangan pelajar,
8. menyelaraskan strategi dan pelaksanaan pengajaran bagi pelajar istimewa dan pelajar kurang upaya,

9. mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kualiti pembelajaran,
10. menjalin hubungan dan kerjasama dengan semua personel pendidikan, ibu bapa dan ahli masyarakat yang berkepentingan bagi memudahkan pencapaian objektif dan hasil pembelajaran,
11. bekerja rapat dengan rakan setugas terutamanya dalam usaha membentuk dan menilai semua kompetensi,
12. menyertai dan menganjurkan program penataran pembangunan profesional secara aktif, dan
13. mempamerkan tingkah laku yang berpegang teguh kepada budaya dan etika pendidik yang berkualiti tinggi.

Sementara itu bagi bakal pendidik yang sedang mengikuti program latihan perguruan, kompetensi-kompetensi yang berikut adalah disarankan:

<b>Content-specific competencies</b>		<b>Generic competencies</b>
<p style="text-align: center;"><b>Cog&amp;Affective</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Remember</li> <li>• Comprehend</li> <li>• Apply</li> <li>• Analyze</li> <li>• Evaluate</li> <li>• Create</li> <li>• Observe</li> <li>• Appreciate</li> <li>• Value</li> <li>• Internalize</li> </ul>	<p style="text-align: center;"><b>Practical Skills</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Identify TL problems</li> <li>• Prepare lesson plans, reports, etc.</li> <li>• Use appropriate instructional strategies, materials</li> <li>• Assess student learning, teaching effectiveness, student outcomes</li> <li>• Demonstrate teaching skills, lab skills</li> <li>• Solve novel TL problems</li> <li>• Demonstrate professional ethics</li> </ul>	<p style="text-align: center;"><b>Lifelong Learning</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Communicate effectively</li> <li>• Self-directed learning; entrepreneurship</li> <li>• Use ICT</li> <li>• Research skills</li> <li>• Manage time &amp; resources</li> <li>• Creativity (interdiscp)</li> <li>• Metacognitive skills</li> <li>• Teamwork &amp; social skills</li> <li>• Ethical &amp; moral skills</li> <li>• Islamic values</li> </ul>



**Penaksiran Selaku Pemangkin Peningkatan Profesionalisme Pendidik?**

Satu daripada kompetensi pengajaran yang sering diutarakan oleh para pemikir, penyelidik, pengamal, dan pembuat dasar pendidikan adalah keupayaan pendidik menaksir, menguji dan menilai prestasi dan pencapaian pelajar yang dapat membantu pelajar membina ilmu secara progresif dan berterusan (kompetensi ke enam). Penaksiran berpotensi bukan sahaja untuk mengukur, menilai dan menentukan tahap prestasi dan pencapaian pelajar. Malahan ia berpotensi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sehingga memampukan pelajar menguasai pelbagai pemikiran aras tinggi, kemahiran praktikal yang kompleks, dan keupayaan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Dengan kata-kata lain, kompetensi ini menyediakan mekanisme untuk pendidik melaksanakan "penaksiran terhadap pembelajaran" dan juga "penaksiran untuk pembelajaran."

Yang demikian ini menyebabkan banyak pihak mencernakan penaksiran sebagai pemangkin reformasi pendidikan. Tegasnya, penaksiran berupaya digunakan sebagai penggerak proses pembelajaran, petunjuk keberkesanan guru, pusat graviti perkembangan amalan pendidikan, jambatan yang menyambung teori dengan amalan, dan budaya akademik yang dapat dikongsi bersama bagi menjamin dan meningkatkan kualiti dan integriti sistem pendidikan. Tangapan-tangapan ini turut didorong oleh kepercayaan bahawa,

"What gets assessed is what gets taught;  
What gets taught is what gets learnt;  
What gets assessed is what gets learnt."

Akan tetapi, penyelidikan-penyelidikan empiris menemukan bukti-bukti yang kurang menyenangkan. Rata-ratanya para pendidik didapati sekadar menggunakan penaksiran untuk menggeredkan pelajar; sekadar mengukur tahap pencapaian mereka. Penaksiran jarang diamalkan untuk membantu pelajar mengejar sasaran pembelajaran peringkat tinggi dan kompleks, jauh sekali daripada digunakan untuk meningkatkan amalan pengajaran. Lebih membimbangkan lagi, terdapat banyak laporan tentang salah tafsir dan penyalahgunaan mekanisme dan alat-alat penaksiran. Sesungguhnya wujud kesenjangan teori dan amalan penaksiran di bilik darjah. Hal sedemikian berkesudahan dengan kerugian dan kerosakan kepada pelajar, pendidik, profesionalisme pendidik, dan seluruh sistem pendidikan.

Dipercayai bahawa kegawatan ini berpunca daripada terbatasnya keupayaan pendidik daripada segi pengetahuan dan kemahiran penaksiran dan pengujian. Kebanyakan program persediaan guru memperuntukkan ruang masa dan pengisian yang terhad untuk bakal pendidik. Terdapat situasi di mana kelayakan untuk menjadi guru hanya menuntut "tiga jam kredit" dalam domain penaksiran dan pengujian. Di peringkat pengajian tinggi pula, kebanyakan profesor, pensyarah dan dosen tidak pernah dintuntut mengikuti sebarang kursus yang berkaitan dengan kompetensi penaksiran dan pengujian. Dengan itu, amalan penaksiran yang diamalkan semata-mata bersandar

tingkah laku "trial-and-error" yang dipandu oleh pengalaman peribadi sewaktu menjadi pelajar!

Perlu diingat bahawa keberkesanan proses penaksiran banyak bergantung keupayaan pendidik melaksanakan seperti tugas-tuas berikut:

1. menggubal dan menyemak hasil pembelajaran untuk sesuatu program pendidikan tertentu (program learning outcomes),
2. memeta hasil pembelajaran merentasi modul atau subjek,
3. menggubal hasil pembelajaran untuk sesuatu modul atau subjek,
4. memadankan kaedah penaksiran dengan hasil pembelajaran yang disasarkan,
5. membina jadual penentu ujian dan jadual penentu tugas,
6. membina dan menggunakan pelbagai alat pengukuran pembelajaran,
7. membina, mengesahkan dan menggunakan rubrik dan skema penskoran,
8. membina, mengurus, dan menilai e-portfolio pelajar,
9. menganalisis dan melaporkan respons pelajar dalam ujian, peperiksaan
10. menganalisis dan melaporkan prestasi pelajar dalam penaksiran alternatif,
11. menetapkan piawai pencapaian dan prestasi, dan
12. mengintegrasikan elemen-elemen penaksiran dengan pengajaran dan penyemakan kurikulum.

### **Perancangan Strategik Peningkatan Kompetensi**

Tahap profesionalisme pendidik mempunyai pertalian langsung dan positif dengan tingkat kompetensi pengajaran. Kompetensi pengajaran pula ditentukan oleh pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang dimiliki oleh pendidik. Hal ini seterusnya banyak dipengaruhi oleh dasar dan struktur pendidikan guru, kepimpinan dan sistem pengurusan dan sokongan di tempat bertugas, dan program penataran profesionalisme yang dianjurkan untuk pendidik. Oleh itu, pihak berwajib harus peka, perihatin dan mengambil tindakan konkrit untuk merancang dan melakukan "interventions" yang sistematik bagi meningkatkan kompetensi pengajaran.

Pengurus dan pentadbir program pendidikan perlu menggubal, melaksanakan, memantau, dan menilai satu pendekatan strategik yang komprehensif, iaitu dengan mengambilkira semua elemen-elemen penting yang mampu merubah kompetensi pengajaran. Perancangan "interventions" sedemikian harus didasari oleh objektif-objektif yang disertakan dengan usaha-usaha strategik bagi jangka-masa-jangka-masa pendek dan panjang. Setiap objektif strategik ini harus dapat diukur, dikenalpasti sasarannya, dipantau progress dan perkembangannya, dinilai tingkat pencapaiannya, dan dilengkapi dengan langkah dan tindakan susulan untuk menghasilkan pencapaian yang sempurna. Antara usaha-usaha strategik yang dikira berpotensi meningkatkan kompetensi pengajaran termasuklah;

1. institusi pendidikan guru melengkapkan pelatih dengan pelbagai kompetensi pengajaran secukupnya, khususnya kompetensi penaksiran dan pengujian, sebagai pendedahan awal kepada bakal pendidik,
2. pendedahan dan pembangunan kompetensi harus dikekalkan dan diperkukuhkan sewaktu pelatih mengikuti praktikum dan latihan mengajar. Di sini, penyelia dan pembimbing juga perlu mempunyai kompetensi yang sesuai dengan keperluan pelatih,
3. penataran profesional hendaklah dijadikan agenda utama aktiviti akademik dan dilakukan secara berterusan oleh setiap sekolah, kolej dan institusi pengajian. Penyertaan dan penglibatan pendidik dalam program ini wajar dijadikan satu daripada petunjuk prestasi golongan pendidik (KPI),
4. tumpuan penataran profesional hendaklah ditujukan kepada pengetahuan, kemahiran, dan sikap pendidik dan diuruskan kepada usaha meningkatkan kualiti dan keupayaan pelajar untuk belajar; semua tumpuan hendaklah disorotkan kepada keperluan pelajar,
5. pelaksanaan penataran profesional perlu dipelbagaikan. Misalnya, selain melibatkan pakar-pakar luar, pengisian program boleh diketuai oleh rakan setugas dari institusi yang sama,
6. pengurus dan pentadbir sesuatu insituti pendidikan juga harus menyertai penataran profesional yang berfokuskan peningkatan kompetensi pengajaran. Ini selaras dengan idea kepimpinan pengajaran, dan
7. pengurus dan pentadbir juga bertanggungjawab menggubal hala tuju dan membentuk dasar dan garis panduan yang akan menyokong dan mengukuhkan kompetensi pengajaran.



## Penutup

Tema yang tersurat dalam penulisan ini ialah peningkatan profesionalisme pendidik menerusi pemantapan kompetensi pengajaran. Penulis telah pun membentangkan dan mengupas beberapa inipati asas tentang profesionalisme pendidik dan kompetensi pengajaran. Penulisan ini turut memberikan fokus kepada satu dimensi kompetensi pengajaran yang kurang diberikan perhatian, iaitu pengujian dan penaksiran. Selain keupayan dan kecekapan menyampaikan pelajaran, dimensi penaksiran kini diterima umum sebagai petunjuk utama profesionalisme pendidik.

Untuk meningkatkan profesionalisme pendidik yang berpusatkan pelajar, guru perlu diberi peluang memperkayakan kompetensi pengajaran. Ini hanya dapat dilakukan menerusi pelan strategik pembangunan kompetensi guru. Pelan strategik ini wajar dirancang dan dilaksanakan secara komprehensif dengan cara membangunkan bersama variable-variable dasar pendidikan, struktur dan infra- dan info-struktur sekolah, keberkesanan kepimpinan, sistem sokongan, dan pengisian pendidikan guru. Hanya dengan itu matlamat peningkatan profesionalisme pendidik yang memampukannya membantu pelajar untuk belajar dalam erti kata yang sebenarnya akan bisa dilengkapkan.

## Rujukan

- Anastasi, A. (1988). *Psychological testing* (6<sup>th</sup> ed.). New York: Macmillan.
- Code of Fair Testing Practices in Education*. (1988). Washington, DC: Joint Committee on Testing Practices.
- Darling-Hammond, I., & Sclan, E. (1992). Policy and supervision. In C.D. Glickman (Ed.), *Supervision in transition* (pp. 7-30). 1992 ASCD Yearbook.
- Diamond, R.M. (1988). *Designing and assessing courses and curricular: A practical guide*. San Francisco : Jossey- Bass.
- Freeman, R., & Lewis, R. (1988). *Planning and implementing assessment*. London: Kogan Page.
- Gronlund, N.E. (1985). *Measurement and evaluation in classroom* (5<sup>th</sup> ed.). New York: Macmillan.
- Oosterhof, A.C. (1996). *Classroom application of educational measurement*. Columbus, Ohio : Merrill.
- Phelps, P. H. (2003). Teacher professionalism. *Kappa Dellta Phi Record*, 40, 1, 10.

- Popham, W.J. (1995). *Classroom assessment: What teachers need to know*. Boston: Allyn-Bacon.
- Palomba, C.A., & Banta, T.W. (1999). *Assessment essentials: Planning implementing, and improving assessment in higher education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Nasir, N., Zubairi, A.M., & Sahari, M.N. (2007). Assessment policy: A stepping stone to quality learning in higher education. *The International Journal of Learning*, 13.
- Sahari, M.N. (2008). *Pengujian dan penaksiran di bilik darjah*. Kuala Lumpur, Malaysia: IIUM Press.
- Sergiovanni, T.J. (1992). On rethinking leadership: A conversation with Tom Sergiovanni. *Educational Leadership*, 49(5), 46-49.
- Wolf, K.P. ((1995). Assessment quotes. *Reading Today*, 12 (4), 4.